

Dana terkumpul RM8,185,089

BH 1/2



Tabung Bantuan Mangsa Banjir NSTP

Oleh Siti Fatimah Mohamed Anwar
dan Haika Khazi


KUALA LUMPUR: Tabung Bantuan Mangsa Banjir kelolaan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) yang dilancarkan pada 22 Disember lalu, berjaya mengutip sumbangan terkumpul berjumlah RM8,185,089.42 sehingga hari terakhir, semalam.

Semalam, tabung itu menerima RM70,574.36 termasuk RM50,000 sumbangan Delloyd Ventures Bhd, RM11,102.61 daripada Majlis Perbandaran Sepang (MP Sepang), RM3,000 daripada PTA Advertising Sdn Bhd dan RM6,471.75 sumbangan individu.

Pengerusi Delloyd Ventures Bhd, Jeneral (B) Tan Sri Mohamed Hashim Mohd Ali, menyampaikan sumbangan itu kepada Pengarang Eksekutif (Rencana) Berita Harian, Zainuddin Ayip di pejabat urusannya di Klang, semalam.

Mohamed Hashim menjelaskan sumbangan ini adalah antara usaha pihaknya membantu golongan kurang bernasib baik khususnya mangsa banjir di Johor iaitu negeri paling teruk dilanda bencana berkenaan.

"Sumbangan ini diharap mampu meringankan beban mereka yang semanginya memerlukan bantuan untuk



TURUT SIMPATI: Hashim (dua dari kanan) menyerahkan cek untuk Tabung Bantuan Mangsa Banjir NSTP kepada Zainuddin (dua dari kiri). Turut memerhati, Tee (kanan) dan Noor Azmi di Kuala Lumpur, semalam.

memulakan kehidupan baru selepas lebih dua bulan menderita akibat banjir," katanya.

Hadir sama, Pengarah Eksekutif Delloyd Ventures, Datuk Noor Azmi Jaafar dan Pengarah urusannya Datuk Tee Boon Kee.

Sementara itu, Sumbangan MP Sepang disampaikan Yang Dipertuanya, Azizan Mohamad Sidin kepada wakil Berita Harian Sdn Bhd, Mohd Faizul Haika Mat Khazi pada majlis ringkas di pejabatnya di sini.

Azizan berkata, sumbangan adalah hasil derma peribadinya bersama Ahli Majlis dan warga kerja MP Sepang yang bersimpati dengan mangsa banjir yang hilang harta benda dan tempat tinggal.

"Sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT), menjadi tanggungjawab kami membantu masyarakat terutama apabila mereka berdepan kesusahan, sekali gus membalas semula kepercayaan orang ramai terhadap kami selama

ini," katanya.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Dengkil, Suhaimi Ghazali dan Orang Kaya Maha Bijaya Sepang, Tengku Datuk, Dr Jamaluddin Tengku Mahmud Shah Al-Haj.

Sejak dilancarkan, tabung itu yang menjadi sebahagian khidmat sosial kumpulan akhbar NSTP, dan ia ternyata mendapat sambutan menggalakkan daripada badan korporat serta orang ramai yang bersimpati dengan penderitaan mangsa banjir.

Ini bukan kali pertama tabung serupa itu dilancarkan kumpulan akhbar berkenaan untuk membantu mangsa bencana.

Sebelum ini, beberapa tabung lain pernah ditubuhkan seperti Tabung Lubnan serta

Tabung Mangsa Tsunami yang berjaya mengumpul sejumlah besar sumbangan orang ramai dan syarikat korporat.

MOHD SAID SAMAD | BERITA HARIAN